



**KENYATAAN MEDIA  
MENTERI EKONOMI**

**KADAR INFLASI FEBRUARI 2023 KEKAL 3.7%;  
APLIKASI PENYEMAKAN HARGA KITAJAGA MEMBANTU RAKYAT  
BIJAK MEMBELI**

1. Kadar inflasi Malaysia pada Februari 2023 kekal pada kadar 3.7%, seperti mana yang diumumkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 24 Mac 2023. Kadar ini sama seperti yang dicatatkan pada bulan Januari 2023.

<i>September 2022</i>	<i>Oktober 2022</i>	<i>November 2022</i>	<i>Disember 2022</i>	<i>Januari 2023</i>	<i>Februari 2023</i>
4.5%	4.0%	4.0%	3.8%	3.7%	3.7%

*Kadar inflasi tahun ke tahun September 2022-Februari 2023*

2. Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, kenaikan inflasi bagi bulan Februari 2023, ialah 0.2% berkadar sama dengan yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.
3. Penyumbang utama kepada inflasi bulan Februari 2023 masih adalah kategori Makanan dan Minuman Bukan Alkohol (7.0%) akibat banjir yang meningkatkan harga sayur-sayuran, serta kategori Restoran dan Hotel (7.4%) disebabkan penambahan pelawat domestik dan antarabangsa.
4. Sejak Kerajaan Perpaduan mengambil alih pada Disember 2022, kadar inflasi secara keseluruhan telah mencapai tahap yang stabil. Namun

begitu, Kerajaan juga sedar bahawa harga barang kekal tinggi berbanding dengan pendapatan rakyat. Oleh itu, Kerajaan tekad untuk meringankan beban rakyat dengan melaksanakan program-program yang berkaitan dengan kos sara hidup, peningkatan pendapatan, dan keupayaan memilih.

5. Di sini, Kementerian Ekonomi ingin mengumumkan aplikasi penyemakan harga yang mampu mempamerkan harga harian untuk setiap barang mengikut lokaliti tertentu. Dari hari ini, rakyat boleh melayari aplikasi KitaJaga dan menyemak harga barangan runcit yang dijual di seluruh negara.
6. Konsep asas inisiatif ini adalah untuk membolehkan rakyat membeli secara bijak dengan adanya data harga barang di hujung jari. Kementerian Ekonomi akan bermula dengan harga barang runcit kerana kebanyakan kenaikan harga tertumpu di kategori ini, dan meluaskan kepada kategori-kategori yang lain untuk kegunaan rakyat.
7. Kementerian Ekonomi juga akan bekerjasama dengan pihak perniagaan e-dagang untuk mengembangkan potensi pemantauan harga, supaya rakyat akan membiasakan diri dengan proses perbandingan dan pilihan mengikut data harga yang menyeluruh. Ini tidak bermaksud rakyat harus hanya membeli barangan yang murah, tetapi aplikasi sebegini dapat memberi penanda aras (*benchmark*) kepada pembelian, di samping memupuk minda dipacu data (*data-driven mindset*) dalam kalangan masyarakat .
8. Inisiatif ini adalah hasil kolaborasi antara Kementerian Ekonomi dan organisasi tempatan, KitaJaga, yang membangunkan aplikasi dan kegunaannya (*features*). Organisasi KitaJaga telah memanfaatkan data terbuka di laman web *OpenDOSM* yang dilancarkan beberapa bulan dahulu, dan pembangun web dan *coders* digalakkan untuk terus

menggunakan data berbutir (*granular*) dari *OpenDOSM* dalam produk yang memanfaatkan rakyat.

9. Seperti yang telah diumumkan sebelum ini, Kementerian Ekonomi tekad untuk memberi tumpuan jangka pendek kepada kebertanggungjawab harga berpatutan ("*fair price accountability*") dengan membangunkan ekosistem berasaskan data-data harga dari seluruh negara.

**RAFIZI RAMLI**  
**27 MAC 2023**